

252,730 pengembara keluar, masuk negara sehingga 4 April

PUTRAJAYA - Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) merekodkan seramai 252,730 pengembara masuk dan keluar melalui pintu-pintu masuk utama negara sejak 1 April hingga 4 April lalu.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud berkata, jumlah pergerakan masuk dan keluar itu susulan pembukaan sempadan negara sejak 1 April lalu.

“Pergerakan itu direkodkan di pintu udara dan darat negara termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA 2, Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks

Sultan Abu Bakar di Johor, Padang Besar di Perlis, Bukit Kayu Hitam di Kedah,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Khairul Dzaimie berkata, berdasarkan jumlah tersebut, seramai 126,392 (ketibaan) dan 28,301 (berlepas) adalah warga tempatan, manakala 55,121 (ketibaan) dan 42,916 (berlepas) adalah pengembara warga asing.

“Lima negara yang merekodkan jumlah pelawat tertinggi adalah Singapura (65,165), Thailand (7,841), Indonesia



KHAIRUL DZAIMIE

(5,173), India (2,477) dan United Kingdom (1,485),” katanya.

Beliau berkata, pergerakan warga asing tertinggi dicatatkan di BSI (160,818), KLIA (38,407), Kompleks Sultan Abu Bakar (Link Kedua) (53,113), KLIA 2 (11,712) dan Bukit Kayu Hitam (6,980).

“Selain itu, pengeluaran Pasport Malaysia Antarabangsa juga mencatatkan peningkatan yang mendadak iaitu 12,923 naskhah pasport dalam tempoh sama,” ujarnya.

Khairul Dzaimie memaklumkan

pihaknya menjangkakan jumlah pengeluaran Pasport Malaysia Antarabangsa akan terus meningkat berikutan orang awam memanfaatkan pembukaan sempadan bagi tujuan melancong keluar negara dan mengerjakan ibadah umrah.

“Berdasarkan statistik terdapat peningkatan yang ketara berbanding sebelum sempadan negara dibuka. Pergerakan keluar masuk warga asing mencatatkan peningkatan sebanyak 76.4 peratus manakala pengeluaran pasport merekodkan peningkatan sebanyak 38.2 peratus berbanding tempoh sama pada Mac lalu,” katanya.